

Semakin ramai mangsa banjir dibenarkan pulang

KUCHING 22 Jan. - Situasi banjir di Sarawak bertambah baik hari ini dengan hanya tinggal 3,071 mangsa daripada 866 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan di seluruh negeri ini.

Jumlah tersebut mencatatkan separuh penurunan berbanding 6,249 mangsa daripada 1,437 keluarga berada di pusat berkenaan semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkata, sehingga pukul 6 petang ini, hanya 17 pusat pemindahan masih dibuka iaitu tujuh di Samarahan, Limbang (enam), Mukah (dua) serta masing-masing satu di Kuching dan Miri.

Katanya, Kuching merekodkan penurunan mangsa banjir paling tinggi dengan kini hanya 379 mangsa daripada 111 keluarga di pusat pemindahan berbanding

3,373 orang daripada 668 keluarga sebelum ini.

"Dalam masa sama, di Samarahan masih terdapat 1,270 mangsa, Limbang (1,216), Mukah (83) dan Miri (23) daripada 755 keluarga di 16 pusat pemindahan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bencana negeri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang berkata, jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan dijangka terus berkurangan berikutan cuaca semakin baik.

Katanya, tiada kes kematian dilaporkan sepanjang bencana banjir berlaku di negeri ini.

Mengulas lanjut, ujar beliau, hanya terdapat satu kes seorang remaja perempuan mati lemas dalam kemalangan bot penambang di Mukah pada Ahad lalu, namun

disahkan polis sebagai kemalangan biasa.

"Meskipun hampir semua mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sudah dibenarkan pulang hari ini, namun mereka masih boleh kembali ke pusat ini sekiranya keadaan rumah mereka belum habis dibersihkan sepenuhnya.

"Kami memberi kelonggaran itu kerana tidak mungkin rumah yang teruk dilanda bencana itu dapat dibersihkan dalam sehari," katanya ketika ditemui di Wisma Bapa Malaysia.

Alfred Jabu turut mengucapkan terima kasih dengan keprihatinan Kerajaan Pusat dalam membantu mangsa banjir di Sarawak apabila tidak putus-putus menghulurkan bantuan termasuk lawatan beberapa menteri Persekutuan ke negeri ini.